

HARI RAYA TUBUH DAN DARAH KRISTUS (C)

Kejadian 14:18-20; Mazmur 109 (110): 1-4. R/ v. 4; 1 Korintus 11:23-26

Lukas 9:11-17

Tema: **EKARISTI MENGAKIBATKAN PENYELAMATAN**

1. Hari ini kita merayakan Penghormatan kepada Tubuh dan Darah Kristus atau "Corpus Christi"! Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus memberi makan kepada lima ribu lelaki dengan lima roti dan dua ikan! Sesungguhnya Tuhan memberi makan dari makanan material penciptaan! Sebab itu mengapa dalam beberapa hari ini yang lepas kita merayakan "Pesta Menuai" kita!

Tetapi yang penting, Injil memberitahu kita bahawa Yesus juga memberi makanan rohani kepada kita! Itulah sebabnya mengapa empat aksi Yesus dalam Injil hari ini adalah sama dengan aksi Yesus dalam Institusi Ekaristi Kudus, iaitu, mengambil, bersyukur, memecah dan memberi! Dalam Ekaristi Yesus memberi kita Tubuh-Nya untuk dimakan dan darah-Nya untuk di minum!

Ini sesungguhnya dinyatakan dalam Pengantar Injil hari ini, terutama apabila ianya dipetik sepenuhnya dari Alkitab:

“Akulah roti yang telah turun dari surga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia.” (Yoh 6:51; NJB)

2. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai institusi Ekaristi. Ia adalah catatan tertulis yang paling kuno mengenai institusi Ekaristi dalam Perjanjian Baru, lebih kuno dari catatan Injil. Ia bertarikh ke abad 55 Sebelum Masihi (CCB), iaitu, dua puluh tahun selepas kematian dan kebangkitan Yesus!

Bacaan kedua memberitahu kita bahawa dalam institusi Ekaristi, Yesus melakukan empat perkara, iaitu, (i) Dia mengambil, (ii) Dia bersyukur, (iii) Dia memecah-mecah dan (iv) Dia memberi.

Dia memberi kita tubuh dan darah-Nya, iaitu, Dia memberi diri-Nya, kehidupan-Nya, Roh-Nya! Dan Dia memerintah kita melakukannya untuk memperingati-Nya, iaitu, membuat hadir, benar dan berkesan akan kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia!

Itulah sebabnya mengapa bacaan kedua berakhir dengan memberitahu kita bahawa apabila kita makan roti dan minum dari piala kita mewartakan kematian penyelamatan Tuhan sampai Dia datang kembali apabila semua orang akan diselamatkan! Iaitu, Ekaristi Maha Kudus Tubuh dan Darah Kristus akan mengakibatkan penyelamatan!

3. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai Melkisedek imam-raja. Melkisedek menawarkan Abraham roti dan anggur, simbol Ekaristi! (Tradisi Patristik: NJB) Melkisedek memberkati Abraham dan Abraham memberi Melkisedek sepersepuluh dari segalanya!

Surat kepada Ibrani (7:1-10) memperlihatkan dalam Melkisedek semacam Kristus! Melkisedek tidak ada mula dan tidak ada akhir. Dia tidak mempunyai bapa atau ibu, tiada keturunan. Dia seperti Putera Allah! Dia adalah iman selama-lamanya! Dia lebih tinggi dari Abraham! Itulah sebabnya dia memberkati Abraham dan Abraham memberinya sepersepuluh dari segalanya! Melkisedek adalah gambaran Yesus Kristus!

4. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Dengan itu sahutannya:

“Engkaulah imam seperti Melkisedek untu selama-lamanya.” (Mzm 109 (110):4; SM)

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama dan kedua (ayat 1-2) memberitahu kita bahawa Allah memberi kemenangan kepada raja-Nya! Rangkap ketiga (ayat 3) memberitahu kita bahawa raja itu adalah "Putera" Allah! Dan rangkap keempat (ayat 4) yang mana sahutan diambil memberitahu kita bahawa raja itu adalah iman Allah! Sekali lagi sahutannya:

“Engkaulah imam seperti Melkisedek untu selama-lamanya.” (Mzm 109 (110):4; SM)

Iaitu, Yesus Kristus adalah imam untuk selamanya, imam seperti Melkisedek yang dahulu!

5. Hari ini imam-imam meneruskan keimamat Yesus Kristus! Dia melakukannya apa yang diminta oleh Yesus untukNya melakukan dalam peringatan-Nya, iaitu, membuat hadir, benar dan berkesan akan kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia!

Hari ini imam melakukan empat perkara yang Yesus lakukan dalam institusi Ekaristi, iaitu, dia mengambil (Persembahan), dia bersyukur (Doa Ekaristi), dia memecah (Memecah Roti) dan dia memberi (Komuni Kudus)!

Dia memberi Tubuh Kristus! Dia memberi Tubuh Tuhan yang bangkit! Dan apabila kita makan roti dan minum dari piala kita mewartakan kematian penyelamatan Tuhan sehingga Dia kembali lagi apabila semua akan selamat! Sekali lagi, Ekaristi Maha Kudus Tubuh dan Darah Kristus mengakibatkan penyelamatan!

Sekali lagi, datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu dan beritahu orang lain untuk datang Misa Kudus setiap hari Minggu! Ia adalah penyelamatan kamu dan penyelamatan saya! Ia adalah penyelamatan kita! Sukacita dan berkat Corpus Christi untuk kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan komuniti-komuniti kecil:

1. Adakah kamu datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu? Berapa kali kamu datang ke Misa Kudus hari Minggu? Adakah kamu memberitahu orang lain supaya datang ke Misa Kudus pada setiap hari Minggu?
2. Apa itu Misa Kudus hari Minggu/Ekaristi? Mengapa Yesus menginstitusikan Ekaristi sebelum kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan seluruh dunia?
3. Apabila kita makan Tubuh Kristus dalam Komuni Kudus, adakah kita makan Tubuh Tuhan yang mati atau adakah kita makan Tubuh Tuhan yang Bangkit?
4. Bolehkah Ekaristi Maha Kudus Tubuh dan Darah Kudus Kristus mengakibatkan penyelamatan?
5. Apakah empat perkara yang dilakukan Yesus Kristus dalam institusi Ekaristi? Adakah kamu melihat empat perkara itu yang sama berlaku dalam Misa Kudus hari Minggu?
6. Adakah kamu berdoa untuk vokasi imam supaya kita boleh mengadakan Misa Kudus setiap hari Minggu?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.

Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Christian Community Bible (CCB); Sunday Missal (SM).